From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: JADIKAN BULAN KEMERDEKAAN SEBAGAI PENYEMARAK SEMANGAT KEBANGSAAN
Date: Sunday, 16 August, 2026 4:25:52 PM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

16 OGOS 2026 / 3 RABIULAWAL 1448H
==========

Berita oleh: Noor Zafiera Ahmad Idris
Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

JADIKAN BULAN KEMERDEKAAN SEBAGAI PENYEMARAK SEMANGAT KEBANGSAAN



UUM ONLINE: Seluruh warga Universiti Utara Malaysia (UUM) diseru menjadikan Bulan Kemerdekaan sebagai penyemarak semangat kebangsaan, merapatkan perpaduan dan memperkukuh keharmonian dalam kalangan warga UUM.

Pengerusi Lembaga Pengarah UUM, Tan Sri Dr. Mazlan Yusoff berkata, semangat kemerdekaan perlu hidup dalam diri setiap warga UUM dengan menjadikan kampus sebagai ruang penyatuan tanpa mengira latar belakang, kaum, budaya dan bidang pengajian.





“Bulan Kemerdekaan perlu dihayati melalui usaha mengisi kemerdekaan dengan nilai yang membawa manfaat kepada masyarakat dan negara. Bulan Kemerdekaan bukan setakat rutin tahunan untuk mengibarkan Jalur Gemilang atau sekadar mengingati sejarah kemerdekaan negara.

Dalam konteks UUM, kemerdekaan membawa maksud membebaskan minda, memerangi kejahilan dan memperkasakan anak bangsa melalui bidang pendidikan,” tegas Tan Sri Dr. Mazlan ketika berucap melancarkan sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat UUM 2026 anjuran Jabatan Komunikasi Korporat (JKK).

Majlis pelancaran dihadiri Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed, pengurusan tinggi dan warga universiti di perkarangan Bangunan Canselori Sultan Sallehuddin di Sintok.





Majlis Pelancaran Bulan Kemerdekaan Peringkat UUM turut diserikan dengan deklamasi sajak, gimik pelancaran dan Senamrobik Merdeka sebagai usaha menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan warga UUM.

Mengulas lanjut, Tan Sri Dr. Mazlan berkata, Jalur Gemilang yang berkibar di sekitar kampus bukan hanya satu simbol tetapi menjadi peringatan bahawa semua pihak berkongsi tanah air, harapan dan masa depan yang satu.

Semangat tersebut perlu diterjemahkan melalui pembudayaan ilmu, kecemerlangan, kesukarelawanan, inovasi dan khidmat kepada masyarakat dan negara.





“Malaysia merdeka pada tahun 1957 selepas melalui perjalanan bersejarah yang panjang. Begitu juga dengan UUM mencatatkan sejarah perjuangannya yang tersendiri dalam mendukung kemerdekaan negara. Sejak ditubuhkan pada 16 Februari 1984, UUM telah membuktikan peranan besarnya sebagai ejen pembangunan hasil daripada tekad, iltizam dan pengorbanan warga terdahulu apabila berjaya melahirkan 180,000 graduan yang menabur bakti dan menyumbang kepada kemajuan negara dalam pelbagai sektor dalam dan luar negara,” jelas beliau lagi.

Pengisian kemerdekaan oleh universiti pada hari ini menuntut seluruh warga universiti untuk memastikan hasil pembangunan, perkongsian ilmu dan kestabilan negara benar-benar memberi manfaat kepada masyarakat selaras dengan tema sambutan, “Malaysia MADANI: Kesejahteraan Dinikmati”.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.